

DARJAH UTAMA NEGERI MELAKA (D.U.N.M.)

PANGGILAN KEHORMAT

- DATUK SERI UTAMA

WARTA NEGERI

- 1978 (Pindaan 2016)

PENGURNIAAN

- Kalung, Selempang dan Lencana Darjah

PENGGHUSUSAN

- Anugerah ini dikhasikan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan boleh dikurniakan oleh beliau kepada Yang di-Pertua - Yang di-Pertua Negeri Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Menteri Melaka apabila difikirkan sesuai.



DARJAH GEMILANG SERI MELAKA (D.G.S.M.)

PANGGILAN KEHORMAT

- DATUK SERI

WARTA NEGERI

- 1983 (Pindaan 2016)

PENGURNIAAN

- Kalung, Selempang dan Lencana Darjah

PENGKHUSUSAN

- Anugerah ini dikhaskan kepada YAB Ketua Menteri dan untuk dikurniakan kepada Ketua- Ketua Menteri / Menteri-Menteri Besar, Menteri-Menteri, Ketua Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri, EXCO Kerajaan Negeri Melaka, Duta-Duta Besar dan lain-lain yang setaraf.



DARJAH CEMERLANG SERI MELAKA (D.C.S.M.)

PANGGILAN KEHORMAT

- Datuk Wira

WARTA NEGERI

- 1978

PENGURNIAAN

- Kalung, Selempang dan Lencana Darjah

PENGKHUSUSAN

- Anugerah Darjah Kebesaran ini mula dikurniakan pada tahun 1978 kepada Ketua Perkhidmatan Negeri dan Persekutuan, Ahli-Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri, Ahli Korporat dan lain-lain yang setaraf yang memberi perkhidmatan cemerlang dan terpuji di peringkat Negeri atau Persekutuan.



DARJAH MULIA SERI MELAKA (D.M.S.M.)

PANGGILAN KEHORMAT

- Datuk

WARTA NEGERI

- 1971

PENGURNIAAN

- Selempang dan Lencana Darjah

PENGGHUSUSAN

- Darjah Kebesaran ini mula dikurniakan pada tahun 1971 kepada Ahli-Ahli Ex-Officio Negeri Melaka, Ahli-Ahli Yang Berhormat Kerajaan Negeri, Ketua Jabatan Tertinggi Negeri dan Persekutuan, Ahli Korporat, Ahli Politik dan lain-lain yang setaraf yang memberi perkhidmatan cemerlang dan terpuji di peringkat Negeri atau Persekutuan.



DARJAH PANGKUAN SERI MELAKA (D.P.S.M.)

PANGGILAN KEHORMAT

- DATUK

WARTA NEGERI

- 2010

PENGURNIAAN

- Selempang dan Lencana Darjah

PENGGHUSUSAN

- Darjah Kebesaran ini mula dikurniakan pada tahun 2010 kepada Ketua Jabatan Kanan Negeri dan Persekutuan dan lain-lain yang setaraf yang memberi perkhidmatan cemerlang dan terpuji kepada Negeri Melaka.



DARJAH SERI MELAKA (D.S.M.)

PANGGILAN KEHORMAT

- Tiada

WARTA NEGERI

- 1971

PENGURNIAAN

- Kalung Leher

PENGGHUSUSAN

- Darjah Kebesaran ini mula dikurniakan pada tahun 1971 Pegawai Tertinggi Kerajaan dan orang perseorangan yang telah memberi perkhidmatan dan bakti terpuji kepada Negeri Melaka



BINTANG CEMERLANG MELAKA (B.C.M.)

PANGGILAN KEHORMAT

- Tiada

WARTA NEGERI

- 1988

PENGURNIAAN

- Lencana



PENGGHUSUSAN

- Bintang ini mula dikurniakan pada tahun 1988 kepada Pegawai Kanan Kerajaan dan orang perseorangan yang telah berbakti dan memberi perkhidmatan yang baik kepada Negeri Melaka.

BINTANG GAGAH PERKASA (B.G.P.)

PANGGILAN KEHORMAT

- Tiada

WARTA NEGERI

- 1962

PENGURNIAAN

- Lencana

PENGKHUSUSAN

- Bintang ini mula dikurniakan pada tahun 1962 kepada orang perseorangan yang telah menunjukkan keberanian, kegagahan luar biasa dan pengorbanan hingga sanggup membahayakan dirinya sendiri semasa menjalankan tugas.
- Bintang ini dikurniakan kepada anggota berpakaian seragam, orang awam yang masih hidup ataupun kepada mereka yang telah meninggal dunia.



BINTANG KHIDMAT TERPUJI (B.K.T.)

PANGGILAN KEHORMAT

- Tiada

WARTA NEGERI

- 1962

PENGURNIAAN

- Lencana

PENGGHUSUSAN

- Bintang ini mula dikurniakan pada tahun 1962 kepada Pegawai Kerajaan dan orang perseorangan yang mempunyai sikap taat setia dan tata kelakuan yang terpuji.



PINGAT JASA KEBAKTIAN (P.J.K.)

PANGGILAN KEHORMAT

- Tiada

WARTA NEGERI

- 1962

PENGURNIAAN

- Lencana

PENGKHUSUSAN

- Pingat ini mula dikurniakan pada tahun 1962 kepada orang perseorangan yang berbakti dan berkhidmat dengan dedikasi dan bertanggungjawab kepada Negeri Melaka.



PINGAT BAKTI MASYARAKAT (P.B.M.)

PANGGILAN KEHORMAT

- Tiada

WARTA NEGERI

- 1971

PENGURNIAAN

- Lencana

PENGKHUSUSAN

- Pingat ini mula dikurniakan pada tahun 1971 kepada orang perseorangan yang telah memberi perkhidmatan dan sumbangan yang baik kepada masyarakat di dalam pelbagai bidang.



PINGAT KHIDMAT LAMA (P.K.L.)

PANGGILAN KEHORMAT

- Tiada

WARTA NEGERI

- 1971

PENGURNIAAN

- Lencana

PENGKHUSUSAN

- Pingat ini mula dikurniakan pada tahun 1971 kepada kepada orang perseorangan dan anggota perkhidmatan awam yang telah berkhidmat dengan baik selama tidak kurang daripada 25 tahun di Negeri Melaka, serta mempunyai tingkah laku dan budi pekerti yang mulia.

